



MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PROGRAM MIKRO *PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP*
(MIKRO PPP)
(Versi 2.0 Tahun 2015)**

(UNTUK KEGUNAAN KEMENTERIAN/AGENSI/JABATAN)

**UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI**

KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
Pengenalan	4 – 5
BAHAGIAN I: DANA MIKRO PPP	
Objektif	5 – 6
Skop Pembiayaan	6
Kriteria dan Syarat Kelayakan	6 – 8
Kelulusan dan Penyaluran Dana	8 – 9
BAHAGIAN II: <i>HOMESTAY</i> RUMAH PANJANG DI SABAH DAN SARAWAK	
Objektif	9
Skop Pembiayaan	10
Kriteria dan Syarat Kelayakan	11
Kelulusan dan Penyaluran Peruntukan	11
Pemantauan	12
Kaedah Permohonan	12
BAHAGIAN III: DANA <i>SOCIAL</i> PPP	
Objektif	12 – 13
Skop Pembiayaan	13 – 14
Kriteria dan Syarat Kelayakan	14 – 15
Kelulusan dan Penyaluran Peruntukan	15
BAHAGIAN IV: PROJEK INFRASTRUKTUR BERSKALA KECIL DI SARAWAK	
Objektif	16
Skop Pembiayaan	16 – 17

KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN	17
KELULUSAN DAN PENYALURAN PERUNTUKAN	17 – 18
KAEDAH PERMOHONAN	18
PENGECUALIAN	18
PEMANTAUAN KESELURUHAN	18 – 19
KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN	19
TARIKH KUATKUASA	19
PERMOHONAN	19

PENGENALAN

1. Selaras dengan inisiatif Strategi Lautan Biru Negara, Kerajaan telah memperkenalkan Program Mikro *Public Private Partnership* (Mikro PPP). Program Mikro PPP ini terbahagi kepada empat komponen berikut:

- (i) Dana Mikro PPP yang bertujuan untuk membantu peniaga dan penjaja kecil bagi pembangunan perniagaan mereka. Peniaga dan penjaja kecil adalah sebagaimana yang didefinisikan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan iaitu mereka yang berniaga secara kecil-kecilan dan jualan perniagaan kurang daripada RM250,000 setahun;
 - (ii) *Homestay* Rumah Panjang di Sabah dan Sarawak yang bertujuan untuk membangunkan unit-unit rumah panjang yang kosong untuk dijadikan *homestay*. Di samping itu, ianya bertujuan membangunkan rumah panjang baru bersebelahan rumah panjang sedia ada dan penyediaan infrastruktur asas yang lain;
 - (iii) *Social Public Private Partnership (Social PPP)* yang bertujuan untuk mengurangkan kos perkhidmatan sosial oleh kerajaan, meningkatkan impak perkhidmatan sosial melalui pelaksanaan yang pantas dan kos yang rendah; dan
 - (iv) Infrastruktur kecil di Sarawak bertujuan menyediakan infrastruktur asas di kawasan luar bandar dan pedalaman di samping meningkatkan kemudahan perhubungan jalan darat di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman.
2. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM300 juta bagi Program ini yang akan disalurkan melalui Dana Mudahcara yang dikendalikan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM).

3. Kelulusan bagi Program Mikro PPP adalah diperingkat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS). Keahlian Mesyuarat JKAS adalah seperti berikut:

- (i) UKAS, JPM – Pengerusi dan Urus setia;
- (ii) Kementerian Kewangan;
- (iii) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM);
- (iv) Jabatan Peguam Negara; dan
- (v) Wakil kementerian/agensi/jabatan lain yang dijemput untuk menghadiri mesyuarat mengikut keperluan.

4. JKAS berhak untuk mengundang mana-mana individu untuk menghadiri mesyuaratnya bagi maksud memberi pandangan dan nasihat tentang permohonan yang dinilai. Walau bagaimanapun, individu tersebut tidak berhak untuk membuat sebarang keputusan untuk atau bagi pihak JKAS.

5. Penyaluran peruntukan kepada kementerian/jabatan/agensi pelaksana atau pentadbir dana yang dilantik adalah tertakluk kepada prosedur kewangan Kerajaan sedia ada.

BAHAGIAN I: DANA MIKRO PPP

OBJEKTIF

1. Objektif program ini adalah untuk membantu peniaga dan penjaja kecil bagi pembangunan perniagaan mereka di dalam pelbagai bentuk bidang perniagaan. Program ini juga mempunyai *touch point* kepada rakyat dari aspek

meningkatkan pendapatan ke tahap yang lebih tinggi disamping melahirkan usahawan berdaya saing.

2. Program ini dijangka dapat melahir dan membangunkan sehingga 20,000 usahawan kecil. Selain dapat membantu meningkatkan imej perniagaan, program ini juga dapat meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan seterusnya menyokong hasrat Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

SKOP PEMBIAYAAN

3. Kaedah pelaksanaan program ini adalah secara penyaluran geran kepada kementerian/agensi/jabatan bagi menjalankan program yang diluluskan oleh JKAS. Skop pembiayaan adalah meliputi:

- (i) Pembiayaan secara pinjaman tanpa faedah yang akan dilaksanakan oleh pentadbir dana yang diluluskan oleh JKAS;
- (ii) Pembiayaan secara *in-kind* dengan nisbah 50 peratus komitmen pemohon dan 50 peratus geran yang meliputi mesin, peralatan, bahan mentah dan lain-lain keperluan yang diluluskan oleh JKAS; dan
- (iii) Had maksimum pembiayaan di bawah program ini adalah sehingga RM50,000 bagi setiap pemohon.

KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN

4. Peserta yang layak dipertimbangkan bagi program ini adalah usahawan kecil di dalam pelbagai bentuk bidang perniagaan dengan keutamaan diberikan kepada:

- (i) ibu tunggal;

- (ii) veteran angkatan tentera; atau
 - (iii) penjaja.
5. Bidang-bidang perniagaan yang boleh dipertimbangkan adalah:
- (i) Kiosk makanan segera;
 - (ii) Kiosk aksesori telekomunikasi;
 - (iii) Kiosk aksesori wanita;
 - (iv) Bazar malam (*uptown*), pasar malam dan seumpamanya;
 - (v) Gerai makanan;
 - (vi) Gerai buah-buahan; dan
 - (vii) Lain-lain bidang yang berpotensi yang diluluskan oleh JKAS Khas Mikro PPP.
6. Pemohon yang memohon Dana Mikro PPP mesti memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:
- (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) Berumur tidak kurang 18 tahun;
 - (iii) Perniagaan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia/mempunyai lesen Pihak Berkuasa Tempatan (jika berkaitan);
 - (iv) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan asas dalam bidang yang akan diceburi;
 - (v) Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000;

- (vi) Tidak pernah mendapat pembiayaan Dana Mikro PPP; dan
- (vii) Gambar pemohon dan tapak perniagaan.

KELULUSAN DAN PENYALURAN DANA

7. Prosedur kelulusan Dana Mikro PPP adalah seperti berikut:
 - (i) Kementerian/Agensi/Jabatan mengemukakan permohonan kepada UKAS, JPM;
 - (ii) Perakuan akan dibuat kepada Mesyuarat JKAS untuk kelulusan;
 - (iii) Setelah Mesyuarat JKAS meluluskan permohonan dana, kertas perakuan penyaluran peruntukan akan disediakan untuk pertimbangan Ketua Pengarah UKAS, JPM. Setelah kelulusan diperolehi, sub-waran akan dikeluarkan bagi kementerian/agensi/jabatan atau dana akan disalurkan kepada pentadbir dana yang dilantik; dan
 - (iv) Setelah permohonan diluluskan, satu perjanjian hendaklah ditandatangani di antara Kerajaan (kementerian/agensi/ jabatan) atau pentadbir dana yang dilantik oleh Kerajaan dengan pemohon sebelum Dana Mikro PPP dapat disalurkan.

8. Kos perkhidmatan yang dikenakan oleh pentadbir dana bagi penyaluran pembiayaan Dana Mikro PPP yang diluluskan oleh JKAS akan menggunakan peruntukan Dana Mikro PPP dan kutipan bayaran balik pembiayaan harus digunakan sebagai bayaran caj perkhidmatan serta digunakan semula (*revolving*) bagi tujuan pembiayaan.

9. Jumlah dana yang akan disalurkan adalah berdasarkan kepada keperluan pada masa permohonan dibuat dan tertakluk kepada prestasi perbelanjaan semasa.

10. Peruntukan Dana Mikro PPP merupakan *revolving fund* dan perlu dikembalikan kepada Kerajaan sekiranya Kerajaan mengarahkan supaya program ini dihentikan.

BAHAGIAN II: HOMESTAY RUMAH PANJANG DI SABAH DAN SARAWAK

OBJEKTIF

1. Objektif program ini adalah untuk membantu penduduk luar bandar khususnya penduduk rumah panjang di Sabah dan Sarawak menjana pendapatan sampingan sekaligus mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan tegar. Di samping itu, program ini juga dapat membangunkan persekitaran rumah panjang serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

2. Program ini dijangka dapat membangunkan beberapa produk pelancongan baru dan menjana pendapatan bagi hampir 1,000 penghuni rumah panjang. Selain dapat membantu meningkatkan tarikan serta kedatangan jumlah pelancong di Sabah dan Sarawak, program ini juga dapat meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan seterusnya menyokong hasrat Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

SKOP PEMBIAYAAN

3. Had maksimum pembiayaan di bawah program ini bagi setiap rumah panjang adalah sehingga RM5,000,000.
4. Program yang akan dijalankan adalah menambahbaik dan meningkatkan kemudahan *homestay* rumah panjang sedia ada. Ianya meliputi perkara-perkara seperti membaiki ruai dan tanju rumah panjang, bilik air, bilik tetamu, kemudahan infrastruktur landskap, jambatan/ jalan masuk ke rumah panjang, membina pintu gerbang serta dewan komuniti bagi tujuan acara-acara keramaian.
5. Skop pembiayaan merangkumi aspek pembangunan serta penambahbaikan kemudahan-kemudahan di rumah panjang seperti berikut:
 - (i) Bilik-bilik tidur, ruang tamu, ruang makan dan bilik air;
 - (ii) Pendawaian elektrik;
 - (iii) Saliran dan perparitan;
 - (iv) Ruang orang ramai seperti ruai rumah panjang;
 - (v) Dewan aktiviti orang ramai;
 - (vi) Tempat letak kereta awam serta tandas awam;
 - (vii) Struktur rumah panjang (tiang, bumbung dan dinding);
 - (viii) Jalan masuk ke rumah panjang/jambatan;
 - (ix) Pengindahan serta keceriaan rumah panjang;
 - (x) Pintu gerbang;
 - (xi) Kawasan tarikan pelancongan berdekatan rumah panjang; dan
 - (xii) Lain-lain kemudahan yang diluluskan oleh JKAS.
6. Peruntukan akan disalurkan kepada kementerian/jabatan atau agensi pelaksana yang akan memantau operasi di rumah panjang tersebut. Penyaluran peruntukan adalah mengikut unjuran kemajuan projek tersebut.

KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN

7. Pembangunan rumah panjang sebagai *homestay* mesti memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Rumah panjang perlu berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia untuk menjalankan operasi *homestay*;
- (iii) Rumah panjang mempunyai daya tarikan serta produk-produk pelancongan;
- (iv) Mempunyai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang disediakan; dan
- (v) Mematuhi syarat-syarat pembangunan *homestay* Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

KELULUSAN DAN PENYALURAN PERUNTUKAN

8. Prosedur kelulusan adalah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Teknikal yang diketuai oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan membuat pemilihan dan penilaian berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan;
- (ii) Perakuan akan dibuat kepada Mesyuarat JKAS untuk kelulusan; dan
- (iii) Setelah Mesyuarat JKAS meluluskan perakuan Jawatankuasa Teknikal, peruntukan akan disalurkan ke kementerian/jabatan atau agensi pelaksana untuk pelaksanaan.

PEMANTAUAN

9. Agensi pelaksana akan mengesahkan laporan kemajuan projek sebelum pembayaran dibuat kepada syarikat.

10. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia/agensi pelaksana akan memantau pelaksanaan projek setiap bulan dan mengemukakan laporan/laporan bergambar secara berkala kepada UKAS, JPM untuk tujuan penyelarasan.

KAEDAH PERMOHONAN

11. Permohonan tersebut boleh dikemukakan secara bertulis kepada:

- (i) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri atau Unit Perancang Negeri; atau
- (ii) UKAS, JPM.

BAHAGIAN III: DANA SOCIAL PPP

OBJEKTIF

1. Program ini bertujuan untuk:

- (i) memberi pembiayaan bagi projek intervensi sosial yang dilaksanakan secara efektif dan inovatif oleh sektor sosial yang akan memberi manfaat kepada golongan sasaran. Keutamaan akan diberikan kepada projek-projek yang memberikan impak sosial yang positif di kawasan-kawasan yang memerlukan (berpandukan bukti); dan

- (ii) memberi pembiayaan untuk sektor sosial bagi pembangunan kapasiti atau peningkatan kemahiran sumber manusia, termasuk kebolehan untuk mengukur impak. Ini bertujuan untuk menjadikan sektor sosial sebagai satu bidang profesional ke arah lebih berakauntabiliti dan mampan.

SKOP PEMBIAYAAN

2. Kaedah pelaksanaan program ini adalah secara penyaluran geran daripada UKAS, JPM kepada Agensi Inovasi Malaysia (AIM) bagi menjalankan program yang diluluskan oleh Jawatankuasa Impak Sosial (JIS) yang melapor kepada Majlis Tadbir Urus AIM. Skop pembiayaan adalah meliputi:

- (i) Penyaluran geran kepada kementerian/jabatan/agensi atau sektor sosial; dan
- (ii) Permohonan oleh sektor swasta di mana kaedah pembiayaan adalah secara *matching grant* dengan nisbah 50 peratus komitmen dari pihak swasta dan 50 peratus geran.

3. Geran atau *matching grant* yang disalurkan boleh digunakan bagi tujuan-tujuan berikut:

- (i) reka bentuk, pembangunan dan pelaksanaan projek-projek intervensi sosial;
- (ii) pengukuran impak bagi projek-projek intervensi sosial;
- (iii) pembangunan kapasiti bagi sektor sosial;
- (iv) kerjasama pelbagai sektor atau organisasi berteraskan sosial;

- (v) kos operasi dan kos *overhead* untuk menjalankan projek intervensi sosial; atau
- (vi) lain-lain bidang sosial yang diluluskan oleh oleh JIS, AIM.

KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN

4. Keutamaan bagi pembiayaan secara geran akan diberikan kepada permohonan projek-projek sosial yang dilakukan di Malaysia seperti berikut:

- (i) projek yang memberi manfaat kepada rakyat, terutamanya golongan isi rumah berpendapatan 40% yang terendah (B40);
- (ii) projek yang mempunyai penglibatan pelbagai sektor;
- (iii) projek baru yang inovatif atau menggunakan konsep-konsep strategi lautan biru;
- (iv) projek sedia ada yang mempunyai rekod keberkesanan atau kecemerlangan bagi tujuan perluasan pelaksanaan di kawasan-kawasan yang lain; dan/atau
- (v) projek yang mempunyai kepentingan nasional.

5. Pemohon yang memohon Dana *Social PPP* mesti memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- (i) kementerian/jabatan/agensi kerajaan; atau
- (ii) organisasi yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia/mempunyai lesen Pihak Berkuasa Tempatan (jika berkaitan)/Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sama ada dari sektor swasta atau sosial.

6. Permohonan bagi memohon Dana *Social PPP* hendaklah dikemukakan kepada AIM dan pemohon perlu mengemukakan butiran-butiran seperti berikut:

- (i) Nama organisasi yang memohon geran;
- (ii) Projek yang akan dilaksanakan;
- (iii) Jumlah dan tujuan geran; dan
- (iv) Maklumat-maklumat sokongan yang lain.

KELULUSAN DAN PENYALURAN DANA

7. Prosedur kelulusan Dana *Social PPP* kepada AIM adalah seperti berikut:

- (i) Perakuan akan dibuat kepada Mesyuarat JKAS untuk kelulusan berdasarkan kepada permohonan AIM; dan
- (ii) Setelah Mesyuarat JKAS meluluskan permohonan dana, kertas perakuan penyaluran peruntukan akan disediakan untuk pertimbangan Ketua Pengarah UKAS, JPM. Setelah kelulusan diperolehi, sub-waran akan disalurkan kepada AIM melalui Jabatan Perdana Menteri.

8. Jumlah dana yang akan disalurkan adalah berdasarkan kepada keperluan pada masa permohonan dibuat dan tertakluk kepada prestasi perbelanjaan semasa.

BAHAGIAN IV: PROJEK INFRASTRUKTUR BERSKALA KECIL DI SARAWAK

OBJEKTIF

1. Objektif program ini adalah untuk menyediakan kemudahan infrastruktur asas berskala kecil kepada penduduk luar bandar khususnya penduduk pedalaman di Sarawak (*less developed areas*). Program ini juga mempunyai *touch point* kepada rakyat dari aspek meningkatkan kemudahan infrastruktur asas terutamanya sistem perhubungan darat ke tahap yang lebih baik.

2. Program ini dijangka dapat mengeluarkan masyarakat di kawasan tersebut dari kepompong kemiskinan tegar. Kemudahan infrastruktur yang bakal dibangunkan dijangka memudahkan penduduk luar bandar terutamanya di kawasan pedalaman keluar mencari rezeki serta berhubung dengan masyarakat bandar dalam usaha untuk menjana pendapatan mereka.

SKOP PEMBIAYAAN

3. Had maksimum pembiayaan di bawah program ini bagi setiap projek infrastruktur adalah sehingga RM5,000,000.

4. Skop pembiayaan merangkumi aspek pembangunan serta penambahbaikan kemudahan-kemudahan perhubungan seperti berikut:
 - (i) Menaiktaraf jalan tanah merah di kawasan luar bandar kepada jalan kampung;
 - (ii) Menurap jalan tanah merah dengan batu kerikil atau tar;
 - (iii) Membina atau menaiktaraf jambatan di kawasan pedalaman bagi memudahkan perhubungan darat;
 - (iv) Membina dewan komuniti/dewan orang ramai; dan
 - (v) Lain-lain kemudahan yang diluluskan oleh JKAS.

5. Peruntukan akan disalurkan kepada kementerian/jabatan atau agensi pelaksana yang akan memantau operasi kawasan projek. Penyaluran peruntukan adalah mengikut unjuran kemajuan projek tersebut.

KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN

6. Pembangunan infrastruktur berskala kecil mesti memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- (i) Kawasan luar bandar dan pedalaman;
- (ii) Infrastruktur yang dicadangkan mestilah mendapat perakuan Kerajaan Negeri/Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri Sarawak (SIMU); dan
- (iii) Infrastruktur yang dicadangkan mestilah dapat dilaksanakan dengan cepat dan murah serta memberi impak kepada penduduk kampung dan penduduk sekitarnya.

KELULUSAN DAN PENYALURAN PERUNTUKAN

7. Prosedur kelulusan adalah seperti berikut:

- (i) Perakuan daripada Kerajaan Negeri/Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Negeri Sarawak akan dikemukakan kepada UKAS, JPM;
- (ii) Perakuan akan dibuat kepada Mesyuarat JKAS untuk kelulusan; dan

- (iii) Setelah Mesyuarat JKAS meluluskan perakuan Jawatankuasa Teknikal, peruntukan akan disalurkan ke kementerian/jabatan atau agensi pelaksana untuk pelaksanaan.

KAEDAH PERMOHONAN

- 8. Permohonan boleh dikemukakan secara bertulis kepada:
 - (i) Pejabat Kerajaan Negeri atau Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Negeri Sarawak; atau
 - (ii) UKAS, JPM.

PENGECUALIAN

- 6. Di bawah program khas Kerajaan, jumlah bantuan yang akan disalurkan adalah berdasarkan kepada jumlah keperluan sebenar peruntukan seperti yang dipohon oleh kementerian/agensi/jabatan atau yang diarahkan oleh YAB Perdana Menteri/Mesyuarat *Pre-National Blue Ocean Strategy Summit (Pre-NBOS Summit)*/Mesyuarat *NBOS Summit* dari semasa ke semasa.

PEMANTAUAN KESELURUHAN

- 7. Setiap agensi pelaksana atau pentadbir dana perlu mempunyai *Standard Operating Procedures (SOP)* bagi program Mikro PPP yang dijalankan.
- 8. Pelaksanaan Program Mikro PPP secara keseluruhan akan dilaporkan kepada Mesyuarat *Pre-NBOS Summit* yang dipengerusikan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara dan seterusnya dibentangkan di dalam Mesyuarat *NBOS Summit* yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

9. Kementerian/jabatan/agensi atau pentadbir dana yang terlibat dengan program ini perlu mengemukakan laporan/laporan bergambar secara berkala (pada setiap 30 haribulan) kepada UKAS, JPM untuk tujuan rekod dan pelaporan kepada Mesyuarat *Pre-NBOS Summit* dan Mesyuarat *NBOS Summit*.

KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN

10. Kerajaan berhak untuk mengkaji semula dan meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa.

TARIKH KUATKUASA

11. Garis Panduan Program Mikro PPP ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2015.

PERMOHONAN

12. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 14, Blok Menara
Menara Usahawan
Lot 2G6, No. 18 Persiaran Perdana, Presint 2
62562 PUTRAJAYA

13. Sebarang pertanyaan berkenaan garis panduan hendaklah diajukan di talian: 03-8880 5935 atau faks: 03-8880 5904 atau E-mel: feedback@ukas.gov.my.

14. Semua keputusan Kerajaan berkenaan permohonan Program Mikro PPP ini adalah muktamad.